

# Program Putra Bakti: Sifar Pembuli UPMKB kupas masalah buli pelajar

**BINTULU:** Para pelajar, guru dan ibu bapa didedahkan dengan pembincangan mengenai kejadian buli serta cara pencegahannya bagi mencari kaedah terbaik menangani permasalahan buli dalam kalangan pelajar.

Tumpuan ke arah usaha menangani permasalahan itu antara pendekatan dibuat Pelajar Kursus Kokurikulum Berkredit Bakti Siswa Kumpulan 3, Semester Pertama Sesi Akademik 2024/2025 Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) untuk 200 peserta baru-baru ini melalui Program Putra Bakti: Sifar Pembuli.

Program pada 19 dan 20 Oktober itu turut mendapat kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Asyakirin dan Kelab Penyayang UPMKB.

Perasmian program disempurnakan Ketua Pentadbir Pejabat Pengurusan Pelajar UPMKB Mohamad Syukri Mohamad Adnan yang mewakili penga-



**PUTRA BAKTI:** Para peserta program merakam gambar kenangan.

rah kampusnya.

Mohamad Syukri berkata, program itu bertujuan mendidik dan memberi kesedaran tentang isu buli di sekolah, kesannya dan cara pencegahan terbaiknya.

Katanya, pelbagai aktiviti menarik dijalankan berupa ceramah daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bicara Kaunselor UPMKB, pameran dan tayangan video Pusat Koreksional Bintulu mengenai program berkaitan.

“Seterusnya aktiviti bersama Pelajar Program

Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), pertandingan melibatkan kreativiti pelajar antaranya mewarna dan melukis, interaksi serta memperkukuh hubungan antara semua pihak,” katanya.

Beliau berkata, turut diadakan ialah aktiviti keceriaan PIBG SK Asyakirin melibatkan ibu bapa dan guru untuk memastikan persekitaran pembelajaran anak-anak di sekolah dalam keadaan baik dan kondusif.

Jelasnya, aktiviti ini bukan sahaja membina semangat

kerjasama bahkan memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan peserta.

Sementara itu, Yang Dipertua PIBG Muhaimin Dahian berharap program tersebut dapat membentuk generasi yang lebih prihatin dan bertanggungjawab serta menjadikan SK Asyakirin bebas daripada kejadian buli.

Katanya, dengan kerjasama semua pihak diharap program itu akan memberi impak positif yang mampu memperkukuh semangat antibuli dalam kalangan pelajar.